



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

KEMUNCAK IBADAH MENUJU JANNAH
(Sempena Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-36)

Tarikh Dibaca :

**23 Rabiulakhir 1441H/
20 Disember 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**KEMUNCAK IBADAH MENUJU JANNAH***Khas Lembaga Tabung Haji*

20 Disember 2019M/ 23 Rabiulakhir 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، تَحْمِدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوْبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فِيهِ أَيْكُثُرٌ بَيْنَتُ مَقَامٍ إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ أَمِنًا وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنْ أَسْتَطَعَ

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Marilah kita memperteguhkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan setiap amalan yang kita lakukan diterima oleh Allah SWT sebagai bekalan memperoleh syurga di akhirat kelak.

Sebagai muslim, kita dituntut untuk menyempurnakan rukun-rukun Islam yang diperintahkan Allah SWT. Justeru, sempena Muzakarah Haji Peringkat



Kebangsaan Ke-36, mimbar akan membicarakan khutbah yang bertajuk, “**Kemuncak Ibadah Menuju Jannah**”.

Sidang Jemaah yang berbahagia,

Ibadah haji adalah salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan bagi muslim yang berkemampuan. Ia menzahirkan kesatuan, kekuatan ummah dan kehebatan individu muslim. Umat Islam dari seluruh dunia, jauh dan dekat, datang dengan pelbagai cara sama ada melalui jalan darat, laut dan udara, menempuh pelbagai halangan dan kesukaran semata-mata memenuhi seruan yang mulia ini. Gambaran ini sangat bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 27:

٢٧ وَأَذِنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكُ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجَّ عَمِيقٍ

Bermaksud: “*Dan serulah umat manusia untuk mengerjakan ibadah Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhanmu) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh*”.

Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam kitabnya al-Fiqh al-Islami pernah menyebut tentang faedah bagi seseorang yang menuaikan haji iaitu dapat menyucikan jiwanya, menambahkan lagi tingkatan ihsan dalam beribadat di samping menambah dan meningkatkan iman serta keyakinan.

Allah SWT memberikan pahala yang besar dan kemuliaan yang tinggi bagi orang yang melaksanakan ibadah ini dengan penuh keikhlasan. Mereka mengerjakannya sesuai dengan tuntutan Rasulullah SAW dan semata-mata mengharap keredhaan Allah SWT. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah RA berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:



مَنْ أَتَى هَذَا الْبَيْتَ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَمَا وَلَدَهُ أَمَّهُ

Maksudnya: “Sesiapa yang mengerjakan haji, dengan tidak melakukan perbuatan keji dan kefasikan, maka ia kembali (dari haji) dalam keadaan suci seperti hari ia dilahirkan oleh ibunya”.

Persoalannya, adakah kita sudah bersedia untuk menjadi tetamu Allah dan meraih ganjaran yang paling istimewa ini? Sudah tentu, tanpa persediaan yang rapi menyebabkan ganjaran itu hanya tinggal angan-angan, malah menyebabkan kita tidak mampu meneruskan saki baki perjalanan yang sangat menguji minda dan fizikal ini. Maka hasilnya, ibadah haji yang dilakukan tidak mampu mencapai haji yang mabrur.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Pelaksanaan ibadah haji memerlukan pengorbanan yang besar untuk mengerjakannya. Inilah kesempatan yang diberikan Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya menyucikan diri daripada segala dosa dan mempersiapkan diri dengan bekalan menuju Akhirat. Justeru itu, dalam pelaksanaan ibadah haji ini, umat Islam perlulah memahami konsep *istita’ah* dalam menunaikan haji.

Syarat-syarat *istita’ah* yang mesti difahami oleh setiap umat Islam ialah :

Pertama : Berkemampuan dari sudut harta. Perkara yang menjadi keutamaan ialah mempunyai kecukupan harta, bukan sahaja perbelanjaan keperluan diri sebelum, semasa dan selepas haji, bahkan tanggungan nafkah ahli keluarga yang ditinggalkan. Sekiranya perkara ini tidak dipenuhi, maka kewajipan tersebut telah gugur.



Kedua : Ada kemudahan kenderaan untuk pergi dan balik samada melalui jalan darat, udara atau laut. Dalam konteks pelaksanaan haji jemaah malaysia, pengurusan pengangkutan akan diuruskan sepenuhnya oleh Pihak Tabung Haji ataupun Agensi pengurusan Haji berlesen untuk memudahkan perjalanan menunaikan haji dan mengelakkan penipuan pihak tidak bertanggungjawab.

Ketiga : Keamanan dan keselamatan semasa pergi dan balik. Isu keamanan membabitkan kebarangkalian berlakunya musibah, pergolakan atau perperangan di negara-negara yang dilalui semasa perjalanan sehingga membawa risiko kepada jemaah haji mestilah diambilkira. Disamping itu, jemaah haji perlulah memastikan keselamatan kaum keluarga dan tanggungan yang ditinggalkan di tanah air. Dalam pada itu, bagi wanita pula mestilah ditemani mahram atau suami semasa menunaikan haji.

Keempat : Kesihatan tubuh badan. Pelaksanaan Ibadah haji memerlukan kesihatan mental dan fizikal dalam menyempurnakan setiap rukun Haji yang diwajibkan. Justeru para jemaah yang mempunyai penyakit tidak kronik yang tidak mengganggu pelaksanaan ibadah haji masih memenuhi syarat *'istita'ah*. Walaubagaimanapun, bagi warga emas yang mempunyai keuzuran seperti penyakit nyanyuk maka dibolehkan untuk dilakukan badal haji.

Kelima : Ada kesempatan masa untuk menunaikan haji. Realiti umat Islam di Malaysia dibenarkan menunaikan haji berdasarkan kuota haji yang telah ditetapkan oleh pihak Arab Saudi dan pihak Tabung Haji selaku badan bertanggungjawab dalam menguruskan urusan haji umat Islam di Malaysia.



Semua syarat ini mestilah dipenuhi supaya ibadah haji dapat dilakukan dalam keadaan hati yang tenang dan pelaksanaan rukun yang sempurna untuk memperolehi haji yang mabur yang mabur. Semoga kita mendapat kefahaman yang jelas berkenaan dengan pengertian *istita'ah* dalam pelbagai bentuk dan hukum.

Kepada umat Islam di Malaysia khususnya warganegara yang masih belum berdaftar haji, segeralah mendaftarkan diri, pasangan dan ahli keluarga di mana-mana cawangan Lembaga Tabung Haji. Kepada golongan muda yang sudah mula bekerja, tanamkan azam untuk menabung bermula dari sekarang. Pelbagai inisiatif telah disediakan untuk kemudahan tabungan haji antaranya melalui potongan gaji ibu bapa bagi anak-anak. Semoga dengan usaha ini dapat memastikan setiap umat Islam dapat melengkapkan rukun Islam kelima ini.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah pada hari ini ialah :

Pertama : Ibadah haji adalah perlakuan yang menzahirkan kesatuan, kekuatan Ummah dan kehebatan individu Muslim.

Kedua : Pelaksanaan ibadah haji memerlukan pengorbanan yang besar untuk mengerjakannya termasuk pengorbanan masa dan wang ringgit.

Ketiga : Fahamilah pelaksanaan ibadah haji serta berusahalah untuk memenuhi syarat-syarat istita'ah supaya kita dapat menyempurnakan rukun Islam yang ditetapkan Allah SWT.



Keempat : Kita perlu pelajari ilmu ibadah haji dan memantapkan dari segi akidah serta menjauhi dari amalan syirik, saka, sihir dan santau.

Marilah kita hayati firman Allah SWT di dalam surah Al-Baqarah ayat 197:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 الْحَجَّ أَشْهُرٌ مَعْلُومَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقٌ وَلَا جِدَالٌ فِي الْحَجَّ
 وَمَا تَقْعُلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَرَوَدُوا فَإِنَّكُمْ خَيْرُ الرَّازِدِينَ ثَقُولٌ وَاتَّقُونَ يَتَأْوِلُ
 الْأَلْبَابٌ

Maksudnya: “(Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri; dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya).”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتُ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهْلِهِ الظَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْوَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِآمِرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلٰى
النَّبِيِّ يَسَّاً إِلَيْهِ الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوةً عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

56

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّي
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّي سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعْهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُغْ مَهَا مُولِيَا
سَرِيْ قَدوَكْ بِكِينِدا يُغْ دَفْرَتوَانِ اَكُوغْ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللّٰهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللّٰهِ شَاهِ اَبِنِ المَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ اَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللّٰهِ.



وَكَذِلِكَ كُبَاوَهْ دُولِي يُعَثِّرْ مَهَا مُولِيَا سَرِي ڤُدوُكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِي اَكْنُوْغَ،
تُونِكُو (Tunku) حاجه عَزِيزَةٌ أَمِينَةٌ مِيمُونَةٌ إِسْكَنْدَرِيَّةٌ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى
الله سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَّاعَهُ وَقُضَّاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ ۝

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ ۝

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ۝

يا الله، جاديكله کامي اورڠ ۲ يع منديريکن صلاة سچارا برجماعه دان منونایکن زکا
مالالوعي ڦوست ڦوغوتن زکاہ مجلس آكام إسلام ولايه ڦرسکوتوان سرتا رحمتيله ڪولوغن
يع منونایکن زکاہ. جاديکلہ اوسيها MAIWP دالم معاکيکن زکاہ دولايہ ڦرسکوتوان
سباکاي ساتو لڳهه یع برکسن باکي ملڪسكن اصناف دري بلڳو کميڪين.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

عِبَادَ اللهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْمُغْنِي يَعْظِمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.